

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

1. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: PENGARAH EKSEKUTIF
Tier	: 3
Pusat Tanggungjawab	: 1. Pusat Penyelidikan Nanoteknologi dan Pemangkinan (NANOCAT) 2. Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES)
Portfolio	: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Elaun Khas Pentadbiran	: RM1,100.00
Tempoh Pelantikan	: Satu (1) hingga tiga (3) tahun, tertakluk kepada kelulusan Pengurusan Universiti Malaya
Gred Permohonan	: Gred 14 dan ke atas

2. SKOP TUGAS

MELAPOR KEPADA :

- (1) Naib Canselor
- (2) Pengurusan Tertinggi Universiti Malaya
- (3) Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sebagai Pengarah Eksekutif Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Universiti Malaya (HICoE), tanggungjawab utama ialah membantu pihak Pengurusan Penyelidikan dalam urusan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti penyelidikan yang dijalankan di PTj dan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan atau diarahkan oleh TNC (P&I) dari semasa ke semasa. Tuan/puan adalah dikehendaki melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti dinyatakan dalam Subseksyen 12(3) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 termasuklah:

- (1) Merancang tadbir urus operasi PTj yang merangkumi sumber manusia, kewangan, pembangunan dan infrastruktur Pusat Penyelidikan sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Universiti Malaya (HICoE).
- (2) Merangka, memangkin serta mewujudkan pelan strategik PTj atau bidang strategik bertujuan mengukuhkan fungsi, peranan dan perkhidmatan bagi perancangan jangka masa panjang.
- (3) Merancang dan memantau pencapaian KPI secara menyeluruh agar pencapaian PTj dapat dilonjak ke peringkat serantau dan antarabangsa.
- (4) Merancang aktiviti/program, latihan dan perkhidmatan yang menyumbang kepada kemampuan jangka masa panjang PTj.
- (5) Merancang pelaksanaan projek-projek penyelidikan jangka masa panjang yang membawa kepada peluasan jaringan kerjasama, inovasi dan komersialisasi, penerbitan dan penyeliaan.

**PERMOHONAN DIBUKA KEPADA STAF UNIVERSITI MALAYA DAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

3. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

- (1) Mengisi *Leadership Curriculum Vitae* (Seperti format di lampiran); dan
- (2) Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan **Pengarah Eksekutif yang diiklankan** (dalam format PDF; maksimum 5 muka surat). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpandukan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.

Permohonan yang lengkap (*hard/soft copy*) hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pn. Rumiza Ahmad

Pengarah

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my

Tarikh tutup permohonan: 22 Ogos 2025 (Jumaat) Jam 5.00 petang

4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pusat Pengurusan Organisasi & Governan, Portfolio Pendaftar

Aras 3, Canseleri

Universiti Malaya

50603, Kuala Lumpur, Malaysia

No. Tel. : +603-7967 3254 / 3478 / 7855

E-mel : ppog_pelantikan@um.edu.my